

**PARLIMEN: RM1.59 Bilion Dibelanjakan Di Bawah Program Bantuan Rumah Sejak 2009**  
**Bernama**  
**9 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) – Sebanyak RM1.59 bilion telah dibelanjakan bagi membina dan membaiki 58,961 unit rumah di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) dari 2009 sehingga Ogos tahun ini, Dewan Rakyat diberitahu Selasa.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Joseph Entulu Belaun berkata daripada jumlah sebanyak RM676.5 juta dibelanjakan di Semenanjung, RM452.6 juta untuk Sabah dan RM456.8 juta di Sarawak.

"Jumlah keseluruhan rumah yang telah dibina dan dibaiki, bagi Semenanjung ialah 30,705 unit; Sabah (10,371) dan Sarawak (17,885)," katanya menjawab soalan Datuk Aaron Ago Anak Dagang (BN-Kanowit) di sini.

Menjawab soalan tambahan Ago mengenai pemantauan kualiti pembinaan rumah di bawah PBR, Entulu berkata kementerian mempunyai pasukan pemantau tersendiri.

Katanya pemantauan dibuat bagi memastikan pembinaan rumah atau proses baik pulih dijalankan dengan mengikut spesifikasi yang ditentukan dan berjalan lancar.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=700596>